



JURNAL LINGUISTIK Vol. 23 (1) Jun 2019 (016-025)

Strategi Membaca Puisi Arab Moden: Kajian Berasaskan Gender Pembaca

Nik Farhan Mustapha, Pabiyah Toklubok@Hajimaming & Muhd Zulkifli Ismail

farhan@upm.edu.my; pabiyah@upm.edu.my; zulismail@upm.edu.my

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia

Tarikh dihantar : 27 Mei 2019
Received
Tarikh diterima untuk diterbitkan : 17 Jun 2019
Accepted
Tarikh diterbitkan dalam talian : 30 Jun 2019
Published online

Abstrak

Pembelajaran sastera Arab yang ditawarkan di beberapa Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia sebagai satu pengkhususan menuntut pelajar membaca dan memahami pelbagai bentuk puisi, sama ada puisi pada era Jahiliyah, Umayyah, Abbasiyah mahupun Puisi Moden. Dalam proses pembacaan dan pemahaman puisi ini, kajian lepas telah membuktikan bahawa para pelajar menggunakan pelbagai jenis strategi, dan penggunaan strategi ini mempunyai kaitan dengan gender pembaca. Oleh itu, kajian yang menggunakan pendekatan kuantitatif ini cuba mengenal pasti strategi membaca puisi Arab dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan. Responden terdiri daripada 119 orang pelajar yang mendaftar kursus sastera Arab di tiga (3) buah IPTA di Malaysia. Mereka diminta untuk menjawab soal selidik setelah membaca satu (1) teks puisi Arab Moden. Data kemudiannya dianalisis secara deskriptif dan inferensi berdasarkan lima (5) jenis strategi; iaitu metakognitif, kognitif, memori, tampungan, dan afektif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden kerap menggunakan strategi semasa membaca teks puisi Arab Moden khususnya strategi tampungan, kognitif dan afektif. Kajian juga mendapati bahawa pelajar perempuan lebih kerap menggunakan strategi tampungan berbanding pelajar lelaki sedangkan kajian-kajian sebelum ini yang merekodkan pelajar perempuan lebih cenderung menggunakan strategi memori.

Kata kunci : bahasa Arab; strategi membaca; sastera Arab; puisi Arab Moden; gender

Reading Strategies in Approaching Modern Arabic Poetry: A Study Based on Readers' Gender

Abstract

Arabic literary studies offered at several Public Higher Education Institutes (IPTAs) in Malaysia as a kind of specialization which require students to read and understand various forms of poetry, whether it is from the Jahiliyah, Umayyad, Abbasid era or Modern Poetry. In the process of reading and understanding, past studies have shown that students are using different types of strategies, and it relates to the gender of readers. Therefore, this study which is using quantitative approach tries to identify the strategy used in reading Arab poetry among both sexes men and women. Respondents comprised of 119 students enrolling Arabic literary courses in three (3) IPTAs in Malaysia. They were asked to answer the questionnaire after reading one (1) text of the Modern Arabic poem. The data were then analyzed descriptively and inferentially based on five (5) types of strategies; namely metacognitive, cognitive, memory, compensation, and affective. The findings showed that respondents often use strategies during the reading of modern Arab poetry texts, especially tampering, cognitive and affective strategies. The study also found that female students are using tampering strategies more often

compared to male students, whereas previous studies recorded that female students are more likely to use memory strategies.

Keywords: Arabic language; reading strategy; Arabic literature; Modern Arabic poetry; gender

1. Pengenalan

Apabila berbicara mengenai strategi membaca, pada hakikatnya ia tidak dapat lari daripada membincangkan Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) secara umum. Hal ini demikian kerana mempelajari sesuatu bahasa bermakna mempelajari empat kemahiran utama bagi menguasai bahasa tersebut; iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Oleh itu, strategi membaca merupakan salah satu pecahan di bawah SPB (Oxford, 1990).

Walaupun kajian tentang SPB bermula seawal tahun 70-an, namun sebenarnya para pelajar telah lama menggunakan strategi ini dalam pembelajaran mereka (Nambiar, 1998). Bermula dengan kajian Rubin (1975), ia telah berjaya menarik perhatian para sarjana untuk mendalami bidang ini, sehingga pelbagai takrifan SPB dikemukakan. Antara takrifan terkini adalah apa yang dinyatakan oleh Griffiths (2009: 87) sebagai "*activities consciously chosen by learners for the purpose of regulating their own language learning*". Sekiranya definisi yang dinyatakan ini dikaitkan dengan strategi membaca, maka dapat disimpulkan bahawa strategi membaca merupakan suatu aktiviti yang dipilih oleh pelajar serta dilakukan secara sedar bertujuan untuk mengawal proses membaca.

Hasil dapatan daripada kajian SPB yang telah dilakukan menunjukkan bahawa terdapat kesan positif terhadap prestasi bahasa seseorang pelajar, malah kajian telah membuktikan bahawa pelajar cemerlang menggunakan pelbagai strategi (Oxford, 2001) dan mampu menggunakan strategi secara lebih efektif berbanding pelajar lemah (Nik Farhan, 2011). Motivasi pelajar juga dilihat mampu ditingkatkan dengan penggunaan SPB (Hazlina Abdul Halim et al, 2017). Selain itu, pelbagai masalah berhubung pembelajaran bahasa, sama ada dalam bahasa ibunda mahupun bahasa asing mula dikenal pasti dan cuba di atasi oleh pelajar. Hal ini demikian kerana SPB berupaya mendedahkan proses pembelajaran sebenar yang diaplikasikan oleh pelajar. Perkara ini sudah pasti amat berbeza dengan kajian lain yang lebih tertumpu kepada output ataupun hasil pembelajaran (Bernhardt, 1991). Malah input berhubung proses ini amat berguna bagi menyedarkan pelajar akan kelemahan yang telah dilakukan, dan sekaligus ia dapat dimanfaatkan oleh para pendidik bagi membantu pelajar mengatasinya (Chamot, 2005; Oxford, 1989). Dalam pada itu, ruang untuk menggalakkan penggunaan SPB khususnya dalam kemahiran membaca perlu diterokai memandangkan ada kajian menunjukkan penggunaannya masih di tahap yang rendah (Noraini Ibrahim & Nambiar, 2010).

Di Malaysia, kajian berkaitan SPB mula dilakukan dalam pembelajaran bahasa Inggeris dan kemudiannya diikuti oleh bahasa Melayu. Kajian SPB bagi pembelajaran bahasa Arab di Malaysia pula mula dijalankan pada awal kurun ke-21. Kajian bermula dengan kajian oleh Mohd Amin *et al.* (2001), Nurazan Mohmad Rouyan (2004), Hassan Basri (2005), Nong (2007), dan kajian-kajian Kamarul Shukri *et. al.* (2008;2009a; 2009b; 2009c). Kesemua kajian ini melibatkan pembelajaran bahasa Arab secara umum. Selain itu, terdapat juga beberapa kajian yang hanya memberi fokus kepada sesuatu kemahiran sahaja, antaranya SPB dalam kemahiran membaca yang dijalankan oleh Ruhimah Husin (2003), Tinggari, S.M. (2004), Nik Hanan Mustapha *et.al.* (2008), Nurazan Mohmad Rouyan *et.al.* (2009; 2013), dan Nik Farhan Mustapha (2011), manakala Mohd Hilmi Mohd *et.al.* (2014) menumpukan kepada SPB untuk kemahiran bertutur.

Kesemua kajian yang dinyatakan ini hanya memberi fokus terhadap pembelajaran bahasa Arab secara umum, dan tiada penumpuan khusus dilakukan terhadap SPB dalam sastera Arab. Malah jika difokuskan kepada pembelajaran sastera Arab di Malaysia, hanya beberapa kajian yang telah dijalankan, antaranya Pabiyah Hajimaming & Che Radiah Mezah (2009), Tengku Ghani Tengku Jusoh (2009) dan juga Muhd Zulkifli Ismail (2015).

2. Sorotan Literatur

Penggunaan Strategi Dalam Pembelajaran Bahasa

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, pelbagai takrifan SPB telah dikemukakan oleh para sarjana, dan kesannya, berbagai taksonomi telah terbina. Namun, taksonomi SPB yang paling meluas penggunaannya dan lebih komprehensif telah dikemukakan oleh Oxford (1990). Oxford (1990) membahagikan SPB kepada enam (6) strategi utama; iaitu strategi memori, strategi kognitif, strategi tampungan, strategi metakognitif, strategi afektif dan strategi sosial.

Menurut Oxford (1990), strategi memori ialah strategi yang membantu pelajar menyimpan maklumat bahasa dan mengingatnya semula apabila diperlukan. Manakala strategi kognitif digunakan apabila pelajar memanfaatkan bahasa bagi membolehkan mereka memahami dan menghasilkan makna semasa proses pembelajaran berlaku. Strategi tampungan pula didefinisikan sebagai tindakan pelajar yang mirip kepada membuat tekaan secara bijak untuk mengatasi keterbatasan semasa mempelajari sesuatu bahasa, agar sesi pembelajaran tidak terbantut dan dapat diteruskan.

Selain itu, aktiviti yang berkait dengan pengurusan pembelajaran dan penilaian terhadap pencapaian dikenal pasti sebagai strategi metakognitif. Manakala tindakan pengawalan emosi dan motivasi semasa belajar sesuatu bahasa dikenali sebagai strategi afektif, dan tindakan yang dilakukan bersama individu lain dalam proses pembelajaran bahasa dianggap sebagai strategi sosial (Oxford, 1990).

Setiap strategi utama ini, sebagaimana yang ditegaskan oleh Oxford *et. al.* (2004) mempunyai hubungan yang rapat dengan tugas bahasa yang dilakukan. Strategi menterjemah misalnya, yang merupakan salah satu strategi dalam strategi kognitif telah digunakan secara kerap semasa membaca teks akademik Arab (Nik Farhan Mustapha, 2011).

Selain itu, strategi kognitif direkodkan sebagai mempunyai korelasi yang signifikan dengan pencapaian pelajar (Ehrman & Oxford, 1995). Manakala kajian lain pula membuktikan bahawa pelajar yang kerap mengaplikasikan strategi metakognitif mampu mencapai tahap penguasaan bahasa yang lebih baik (Nunan, 1999). Kepentingan penggunaan strategi ini juga bukan hanya terbatas dalam mempengaruhi pencapaian bahasa pelajar, malah turut meningkatkan keyakinan sendiri mereka dalam menguruskan pembelajaran (Zeynali, 2012).

Pengaruh Gender Dalam Pemilihan Strategi

Hasil perkembangan kajian terkini berkaitan dengan SPB membuktikan bahawa wujudnya pengaruh perbezaan individu dalam pemilihan strategi; antaranya pengaruh gender (Kamarul Shukri *et.al.*, 2008; Kamarul Shukri *et.al.*, 2009a; Phakiti, 2003; Zeynali, 2012).

Dapatan kajian lepas berhubung pengaruh gender dalam penggunaan strategi adalah berbeza-beza. Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa pelajar perempuan lebih kerap menggunakan strategi berbanding pelajar lelaki (Kamarul Shukri *et.al.*, 2009a, Mohamed Amin, 2000, Oxford & Nyikos, 1989). Malah pelajar perempuan dilaporkan menggunakan strategi apabila mereka berada di dalam serta di luar kelas, dan juga ketika berada di dalam dewan peperiksaan (Mohamed Amin, 2000). Walau bagaimanapun, terdapat pula bukti yang berbeza apabila pelajar lelaki didapati lebih banyak mengaplikasikan strategi berbanding pelajar perempuan (Nik Hanan Mustapha *et.al.*, 2008; Wharton, 2000; Zamri Mahamood 2004). Dalam masa yang sama, sesetengah pengkaji pula menyatakan tiada sebarang perbezaan yang signifikan antara kedua-dua gender ini dalam penggunaan strategi (Phakiti, 2003).

Penemuan yang diperolehi berdasarkan strategi utama dalam SPB pula merekodkan terdapat perbezaan yang signifikan antara lelaki dan perempuan dalam penggunaan pelbagai strategi ini. Pelajar perempuan didapati lebih kerap menggunakan strategi memori (Green & Oxford, 1995),

strategi afektif (Green & Oxford, 1995; Kamarul Shukri *et.al.*, 2008), strategi sosial (Green & Oxford, 1995; Politzer, 1983) dan strategi metakognitif (Green & Oxford, 1995). Sebaliknya, pelajar lelaki lebih gemar menggunakan strategi kognitif (Bacon, 1992). Walaupun terdapat perbezaan dalam pemilihan strategi di antara pelajar lelaki dengan perempuan, Wharton (2002) membuat kesimpulan bahawa perbezaan ini akan menjadi tidak ketara apabila para pelajar mula mahir dalam menguasai bahasa yang dipelajari, terutamanya bahasa kedua dan juga bahasa asing.

Justeru, kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan berikut:

1. Adakah terdapat perbezaan di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam penggunaan strategi semasa membaca puisi Arab Modern?
2. Adakah terdapat perbezaan di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam penggunaan lima (5) strategi utama semasa membaca puisi Arab Modern?

3. Metodologi

Kajian kuantitatif ini dijalankan di tiga (3) buah IPTA di Malaysia. Pemilihan IPTA ini adalah berdasarkan penawaran kursus sastera Arab pada peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bahasa Arab kepada para pelajar, sama ada sebagai sebahagian daripada komponen kursus, atau sebagai pengkhususan minor. Sampel yang dipilih terdiri daripada 119 orang pelajar Melayu; iaitu seramai 23 orang pelajar lelaki dan selebihnya 96 orang lagi merupakan pelajar perempuan. Mereka merupakan pelajar tahun kedua dan ketiga yang sedang mengikuti Ijazah Sarjana Muda dalam pengkhususan bahasa Arab.

Di dalam kajian ini, responden yang dipilih telah diberikan teks puisi Arab Modern untuk dibaca dan difahami. Dalam proses ini tiada had masa ditentukan bagi memberi ruang kepada setiap responden mencapai tahap pemahaman yang maksimum. Setelah itu, borang soal selidik diedarkan kepada pelajar terlibat. Dan pelajar diingatkan agar menjawab soal selidik tersebut berdasarkan apa yang telah mereka lakukan dalam usaha memahami teks tersebut.

Prosedur pengumpulan data yang telah dinyatakan ini memberi gambaran bahawa dua jenis instrumen digunakan dalam kajian ini; iaitu teks puisi Arab Modern dan juga soal selidik. Puisi Arab Modern yang dimaksudkan merupakan sebuah puisi nukilan Abu al-Qasim al-Syabi yang ditulis pada zaman Modern. Menurut Oxford *et.al* (2004), sesuatu teks yang dipilih untuk diuji perlu berada pada tahap sederhana dari aspek kesukarannya. Oleh itu, kesahan pakar telah diperolehi daripada tiga (3) orang tenaga pengajar bagi menentukan kesesuaiannya dan tahap kesukarannya.

Manakala instrumen kedua; iaitu soal selidik telah diadaptasi daripada *Strategy Inventory of Language Learning* (SILL) versi 7.0 yang dibina oleh Oxford (1990). Walau bagaimanapun hanya 30 item telah digunakan bagi mengumpul maklumat yang dikehendaki, manakala 20 item yang selebihnya digugurkan kerana kajian ini hanya memfokus kepada strategi membaca sahaja. Selain itu, item yang dipilih hanya mewakili lima konstruk; iaitu memori, kognitif, tampungan, metakognitif dan afektif. Pengkaji telah menggugurkan strategi sosial memandangkan prosedur pengumpulan data yang dilakukan tidak membenarkan pelajar berinteraksi dengan sesiapa pun. Selain itu, beberapa item telah diubah suai dan dimasukkan unsur Islam. Dalam hal ini, pengkaji tidak mengasingkan item yang berunsur Islam ke dalam konstruk yang berbeza, sebagaimana yang dilakukan oleh Kamarul Shukri *et.al.* (2009b) kerana unsur Islam sebenarnya boleh diserapkan secara langsung di dalam item-item yang dibina oleh Oxford (1990), bersesuaian dengan agama Islam itu sendiri yang merupakan cara hidup muslim yang tidak boleh dipisahkan (Nik Farhan Mustapha, 2011). Item yang digunakan juga turut diubah suai struktur ayatnya bagi menepati prosedur pengumpulan data yang mengkehendaki pelajar menjawab soal selidik berdasarkan teks puisi Arab yang dibaca sahaja.

Bagi menilai indeks kebolehpercayaan soal selidik ini, kaedah Alfa Cronbach telah digunakan. Nilai Alfa Cronbach yang diperolehi ialah 0.85 apabila data daripada kajian rintis terhadap 34 orang pelajar dianalisis. Berdasarkan McMillan dan Schumacher (2014), indeks kebolehpercayaan item bagi instrumen kajian yang berada dalam julat indeks 0.65 hingga 0.95 adalah tinggi dan boleh diterima pakai.

4. Analisis Data

Sebelum menjawab persoalan kajian yang pertama, data yang dikutip telah dianalisis secara deskriptif bagi mengukur kecenderungan berpusat. Dalam hal ini, nilai skor min diambil kira bagi mengukur tiga (3) tahap penggunaan strategi; iaitu tahap tinggi, sederhana dan rendah. Nilai ini diinterpretasi sebagaimana yang telah diutarakan oleh Oxford (1990). Oleh itu, kriteria penilaian tahap penggunaan strategi membaca pelajar terhadap teks puisi Arab Moden adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min Tahap Penggunaan Strategi Membaca

Tahap	Skala Penggunaan	Nilai min
Tinggi	Amat kerap	4.50 hingga 5.00
	Kerap	3.50 hingga 4.49
Sederhana	Agak kerap	2.50 hingga 3.49
Rendah	Sekali-sekala	1.50 hingga 2.49
	Tidak guna	1.00 hingga 1.49

Hasil analisis menunjukkan secara keseluruhannya responden seramai 119 orang ini menggunakan strategi membaca pada tahap tinggi ($M=3.63$, $SP=0.50$). Manakala bagi tahap penggunaan setiap strategi utama pula, tiga (3) strategi telah dikenal pasti berada pada tahap tinggi; iaitu strategi tampungan ($M=3.63$, $SP=0.50$), diikuti oleh strategi kognitif ($M=3.81$, $SP=0.54$) dan yang terakhir strategi afektif ($M=3.64$, $SP=0.75$). Manakala dua (2) lagi strategi berada pada tahap penggunaan sederhana; iaitu strategi metakognitif ($M=3.22$, $SP=1.04$) dan strategi memori ($M=3.14$, $SP=0.73$). Hasil analisis ini ditunjukkan oleh Jadual 2.

Jadual 2: Tahap Penggunaan Strategi Membaca Mengikut Strategi Utama (N=119)

Strategi	Tahap penggunaan	Min	S. P.
Tampungan (n=117)	Tinggi	4.16	0.56
Kognitif (n=118)	Tinggi	3.81	0.54
Afektif (n=118)	Tinggi	3.64	0.75
Metakognitif (n=118)	Sederhana	3.22	1.04
Memori (n=119)	Sederhana	3.14	0.73
Keseluruhan (n=114)	Tinggi	3.63	0.50

Hal ini bermakna para pelajar pengkhususan bahasa Arab di IPTA Malaysia amat kerap menggunakan strategi membaca semasa memahami puisi Arab Moden. Selain itu, dapatan juga menunjukkan bahawa para pelajar kerap melakukan tindakan berikut; iaitu meneka secara bijak dalam proses memahami makna teks, menggunakan minda untuk menganalisis bahasa dan mampu mengawal emosi serta semangat membaca. Dapatan turut merekodkan bahawa tindakan mereka dalam melakukan perancangan terhadap proses pembacaan serta menilai tahap pemahaman, dan memanfaatkan apa yang disimpan di dalam memori adalah secara sederhana sahaja.

Bagi menjawab persoalan pertama kajian; iaitu “adakah terdapat perbezaan di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam penggunaan strategi semasa membaca puisi Arab Moden?”, dua (2) pemboleh ubah telah dikenal pasti. Pemboleh ubah bebas dalam analisis inferensi ini ialah gender, manakala pemboleh ubah bersandar diwakili oleh keseluruhan dapatan strategi utama yang dikaji. Analisis inferensi ini menggunakan ujian *Mann-Whitney U* bagi menguji hipotesis pertama kajian ini seperti berikut:

H_A : Terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam penggunaan strategi membaca.

Berdasarkan Jadual 3, keputusan ujian menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan ($z = -0.885$, $p > 0.05$) dalam penggunaan strategi secara keseluruhan di antara pelajar lelaki dan perempuan.

Hal ini kerana nilai yang diperolehi iaitu 0.38; lebih besar daripada nilai p. Justeru, hipotesis kajian ini ditolak dan hipotesis nul diterima. Keadaan ini menjelaskan bahawa pelajar lelaki dan perempuan menggunakan strategi membaca pada kekerapan yang sama.

Jadual 3: Kesan Gender ke atas Penggunaan Strategi Utama Secara keseluruhan (N = 119)

Strategi	Gender	Min	Sig.
Keseluruhan strategi (n=113)	Lelaki	51.45	0.38
	Perempuan	58.34	

Sig. pada aras 0.05

Bagi menjawab persoalan kedua kajian; iaitu “adakah terdapat perbezaan di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam penggunaan lima (5) strategi utama semasa membaca puisi Arab Moden?”, ujian *Kruskal-Wallis H* telah digunakan, setelah penentuan pemboleh ubah dibuat. Pemboleh ubah bebas dalam analisis inferensi ini ialah gender, manakala pemboleh ubah bersandar ialah strategi memori, kognitif, tampungan, metakognitif dan afektif. Ujian *Kruskal-Wallis H* tersebut adalah untuk menguji hipotesis kedua kajian; iaitu:

H_A : Terdapat perbezaan signifikan dalam penggunaan strategi membaca mengikut strategi utama berdasarkan perbezaan gender.

Setelah analisis dibuat, hasil menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan strategi tampungan di antara pelajar lelaki dan perempuan ($X^2=5.72$, $p<0.05$), apabila nilai skor min pelajar perempuan ($M= 62.19$) lebih tinggi daripada pelajar lelaki ($M= 43.59$). Manakala strategi-strategi lain; iaitu memori ($X^2=0.99$, $p>0.05$), kognitif ($X^2=0.18$, $p>0.05$), metakognitif ($X^2=0.33$, $p>0.05$) dan afektif ($X^2=0.29$, $p>0.05$) tidak menunjukkan sebarang perbezaan yang signifikan. Hal ini kerana nilai signifikan yang direkodkan lebih besar daripada 0.05.

Jadual 4: Kesan Gender ke atas Penggunaan Lima (5) Strategi Utama (N = 119)

Strategi	Gender	Min	X^2	Sig.
Memori (n=118)	Lelaki	65.83	0.99	0.32
	Perempuan	57.97		
Kognitif (n=117)	Lelaki	56.33	0.18	0.67
	Perempuan	59.65		
Tampungan (n=116)	Lelaki	43.59	5.72	0.02
	Perempuan	62.19		
Metakognitif (n=117)	Lelaki	55.25	0.33	0.56
	Perempuan	59.87		
Afektif (n=117)	Lelaki	55.59	0.29	0.59
	Perempuan	59.84		

Sig. pada aras 0.05

Dapatan analisis ini menunjukkan bahawa pelajar perempuan paling kerap menggunakan strategi tampungan berbanding pelajar lelaki semasa membaca teks puisi Arab Moden. Namun, kedua-dua golongan pelajar ini menggunakan strategi memori, kognitif, metakognitif dan afektif pada kadar yang sama.

5. Perbincangan

Melihat kepada hasil analisis yang dijalankan secara keseluruhan, para responden amat kerap menggunakan strategi semasa membaca teks puisi Arab Moden, malah tiga strategi utama

merekodkan penggunaan pada tahap tinggi; iaitu tampungan, kognitif dan afektif, manakala strategi metakognitif dan memori pada tahap sederhana.

Berhubung penggunaan lima (5) strategi utama oleh kedua-dua gender ini, dapatan yang ditemui berbeza dengan apa yang telah dibuktikan oleh kajian sebelum ini; antaranya Kamarul Shukri *et.al.* (2008), Kamarul Shukri *et.al.* (2009a), Mohamed Amin, (2000) serta Oxford & Nyikos (1989) yang mendapati pelajar perempuan lebih kerap menggunakan strategi berbanding pelajar lelaki. Dalam masa yang sama, hasil ujian turut tidak menyokong dapatan Nik Hanan Mustapha *et.al.* (2008); Wharton (2000) dan Zamri (2004) yang melaporkan bahawa pelajar lelaki lebih banyak mengaplikasi strategi jika dibandingkan dengan pelajar perempuan. Namun sebaliknya, hasil analisis kajian ini selari dengan dapatan yang dibuktikan oleh Phakiti (2003) yang menyatakan tiada perbezaan di antara kedua-dua gender ini dalam penggunaan strategi.

Di samping itu, satu penemuan baharu yang agak berbeza telah diperoleh apabila data menunjukkan pelajar perempuan lebih kerap menggunakan strategi tampungan berbanding pelajar lelaki. Dapatan ini sudah pasti bertentangan dengan kajian-kajian sebelum ini yang merekodkan pelajar perempuan lebih cenderung menggunakan strategi memori (Green & Oxford, 1995), strategi afektif (Green & Oxford, 1995; Kamarul Shukri *et.al.*, 2008), strategi sosial (Green & Oxford, 1995; Politzer, 1983) dan strategi metakognitif (Green & Oxford, 1995).

6. Kesimpulan

Walaupun para pelajar ini didapati menggunakan strategi membaca dengan skala yang amat kerap, namun mereka perlu diingatkan juga agar menumpukan perhatian kepada strategi metakognitif yang berkait dengan perancangan, pemantauan dan penilaian. Hal ini kerana strategi ini mempunyai perkaitan yang positif dengan tahap pemahaman pelajar. Selain itu, mereka juga perlu diajar untuk memanfaatkan apa yang telah berada dalam memori agar maklumat sedia ada ini dapat dimanfaatkan dalam proses membina makna.

Memandangkan kajian ini hanya bersifat eksplorasi sebagai langkah dalam mengenal pasti proses pembelajaran sastera Arab di Malaysia, pengkaji mencadangkan agar kajian lanjut perlu dilakukan dengan skala responden lebih besar, di samping menilai pengaruh teks Arab daripada pelbagai zaman terhadap penggunaan strategi membaca, serta mengaitkan penggunaan tersebut dengan tahap pemahaman pelajar.

Rujukan

- Bacon, S. M. 1992. The Relationship between Gender, Comprehension, Processing Strategies, Cognitive, and Affective Response in Foreign Language Listening. *The Modern Language Journal*. 76(2): 160-178.
- Bernhardt, E. B. 1991. *Reading Development in a Second Language: Theoretical, Empirical and Classroom Perspectives*. New Jersey: Ablex Publishing Corporation.
- Chamot, A. U. 2004. Issues in Language Learning Strategy Research and Teaching. *Electronic Journal of Foreign Language Teaching*. 1 (1): 14-26.
- Chamot, A. U. 2005. Language Learning Strategy Instruction: Current Issues and Research. *Annual Review of Applied Linguistics*. 25: 112-130.
- Ehrman, M.E. & Oxford, R. L. 1989. Effects of Sex Differences, Career Choice, and Psychological Type on Adult Language Learning Strategies. *The Modern Language Journal*. 73 (1): 1-13.
- Green, J. M. & Oxford, R. L. 1995. A Closer Look at Learning Strategies, L2 Proficiency, and Gender. *TESOL Quarterly*. 29 (2): 261-297.

- Griffiths, C. 2009. Strategies and Good Language Learners. In *Lessons from Good Language Learners*, edited by Griffiths, C., 83-98. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hassan Basri Awang Mat Dahan. 2005. Learner Strategy Use and Performance in Tests of Arabic. In *Cognition and Learning: Issues and Strategies*, edited by Saedah Siraj, Quek Ai Hwa, Mahzan Arshad, and Esther S. G. Daniel, 181-199. Shah Alam: Malindo Publications Sdn. Bhd.
- Hazlina Abdul Halim, Normaliza Abd Rahim & Nor Shahila Mansor. 2017. Motivation and Strategies in Acquiring the French Language among Undergraduates in Universiti Putra Malaysia. *Jurnal Linguistik*. Vol. 21 (2): 69-80.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi & Zamri Mahamod. 2008. Hubungan Gender Dengan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Di Terengganu. *The Malaysian Journal of Learning and Instruction*. 5: 117-138.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Zamri Mahamod. 2009a. A Closer Look at Gender and Arabic Language Learning Strategies Use. *European Journal of Social Sciences*. 9(3): 399-407.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Zamri Mahamod. 2009b. Strategi Metafizik: Kesenambungan Penerokaan Domain Strategi Utama Pembelajaran Bahasa. *GEMA Online Journal of Language Studies*. 9(2): 1-13.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi & Zamri Mahamod. 2009c. Hubungan Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa dengan Tahap Penguasaan Bahasa Arab. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 1(1): 41-56.
- McMillan, J. & Schumacher, S. 2014. *Research in Education: Evidence-Based Inquiry*. 7th Ed. Edinburgh: Pearson Education Limited.
- Mohamed Amin Embi. 2000. *Language Learning Strategies: A Malaysian Context*. Bangi: Percetakan Warni.
- Mohamed Amin Embi, Juriah Long & Mohd Isa Hamzah. 2001. Language Learning Strategies Employed by Secondary School Students in Malaysia. *Jurnal Pendidikan*. 26: 3-20.
- Mohd Hilmi Mohd Hashim, Muhd Zulkifli Ismail & Nik Farhan Mustapha. 2014. "Alamak! Macamana nak cakap ni?": Penggunaan Strategi Tampungan dalam Komunikasi Lisan Bahasa Arab. *Global Media Journal – Malaysian Edition*. Volume 3, Issue 2: 152-168.
- Muhd Zulkifli Ismail. 2015. Masalah dan Isu Semasa Pengajian Kesusteraan Arab di UPM. Dalam *Pemeriksaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Institut Pengajian Tinggi Malaysia*, disunting oleh Zamri Arifin dan Zainuddin Ismail, 35-45. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Nambiar, Radha. 1998. *Learning Strategies - a Malaysian Perspective*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noraini Ibrahim & Nambiar, Radha. 2010. Strategi Membaca dan Kumpulan Etnik: Satu Kajian Membaca dalam Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Malaysia. *Jurnal Linguistik*. Jilid 10 (edisi khas): 137-157.

- Nik Farhan Mustapha. 2011. *Istratijiyyat al-Qira'ah lada Talabat al-Lughah al-ʿArabiyyah fi Jamiʿat Putra al-Maliziyyah wa mada Ta'thiriha ʿala Mustawa Istiʿabihim al-Qira'i*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak, Selangor D.E.
- Nik Hanan Mustapha, Nik Farhan Mustapha, & Nadwah Daud. 2008. *Istratijiyyat al-Qira'ah al-Muʿasarah lada al-Natiqin bi Ghayr al-ʿArabiyyah*. Kertas kerja yang dibentangkan di al-Mu'tamar al-Duwali al-Ula li-Ghayr al-Natiqin biha, dianjurkan oleh University of Jordan, 6-8 Mei, Amman, Jordan.
- Nong Laksana Kama. 2007. *Istratijiyyat Ta'allum al-Lughah wa ʿAlaqtuha bi al-Akhta' al-Lughawiyyah li Muta'allimi al-ʿArabiyyah fi al-Jamiʿat al-Islamiyyat al-ʿAlamiyyah fi Maliziya: Dirasah Taliliyyah*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Nunan, D. 1999. *Second Language Teaching and Learning*. Massachusetts: Heinle & Heinle Publishers.
- Nurazan Mohmad Rouyan. 2004. *Strategi Pembelajaran Bahasa dalam Pembelajaran Bahasa Arab: Kajian di KUSZA*. Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Selangor D.E.
- Nurazan Mohmad Rouyan, Nik Farhan Mustapha, Kaseh Hj. Abu Bakar & Ahmed, Ismaiel Hassanein. 2009. *Reading Strategies among Malaysian Learners of Arabic: Implications for Research*. Kertas kerja yang dibentangkan di World Conference On Muslim Education ke-7 (WORLD-COME 2009), 21-23 Disember, Shah Alam, Selangor.
- Nurazan Mohmad Rouyan, Nik Farhan Mustapha & Kaseh Abu Bakar. 2013. *Reading Strategies amongst Learners of Arabic in Malaysia*. In *Studies on Foreign Languages and Cultures: Vol. 2*, edited by Syed Nurulakla Syed Abdullah, Roslina Mamat and Muhd Zulkifli Ismail, 31-44. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Oxford, R. L. & Nyikos, M. 1989. Variables Affecting Choice of Language Learning Strategies by University Learners. *The Modern Language Journal*. 73 (3): 291-300.
- Oxford, R. L. 1990. *Language Learning Strategies: What Every Teacher Should Know*. Boston, MA: Heinle & Heinle.
- Oxford, R. L. 2001. Language Learning Styles and Strategies. In *Teaching English as a Second Language*, edited by Celce-Murcia, 359-366. Boston: Heinle & Heinle.
- Oxford, R. L., Cho, Y., Leung, S. & Kim, H. 2004. Effect of The Presence and Difficulty of Task on Strategy Use: An Exploratory Study. *International Review of Applied Linguistics*. 42: 1-47.
- Pabiyah Toklubok@Hajimaming & Che Radiah Mezah. 2009. *Manhaj al-Adab al-ʿArabi fi al-Jāmiʿāt al-Hukūmiyyah: Ru'yā wa Tahaddiyāt*. Working paper presented at Second International Conference on Arabic Language and Literature, organized by International Islamic University of Malaysia, 21-23 December, Kuala Lumpur.
- Phakiti, Aek. 2003. A Closer Look at Gender and Strategy Use in L2 Reading. *Language Learning*. Vol. 53 (4): 649-702.
- Politzer, R.L. 1983. An Exploratory Study of Self Reported Language Learning Behaviors and Their Relation to Achievement. *Studies in Second Language Acquisition*. 6: 54-68.
- Rubin, J. 1975. What the Good Language Learner Can Teach Us?. *TESOL Quarterly*. 9(1): 41-51.

- Ruhimah Husin. 2003. Reading Comprehension Strategies Used by Students in Arabic Reading Skills Classes at CELPAD, IIUM: A Comparison between the Good, Average and Poor Readers using the Eight Subskills. M.A. Dissertation, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak, Selangor D.E.
- Tengku Ghani Tengku Jusoh. 2009. *Several Guides to Learn Classical Arabic Poetry*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tinggari, S. M. 2004. Istratijiyyat Ta'allum al-Lughah al-Thaniyah: Maharat al-Qiraah Namuzaja. Kertas kerja yang dibentangkan di Nadwat al-Ittijahat al-Hadithah fi Dirasat al-Lughah al-'Arabiyyah wa Adabiha (Qadaya wa Manhajiyyat), dianjurkan oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak, Selangor D.E.
- Wharton, G. 2000. Language Learning Strategy Use of Bilingual Foreign Language Learners in Singapore. *Language Learning*. 50(2): 203-243.
- Zamri, Mahamood. 2004. Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zeynali, Simin. 2012. Exploring the Gender Effect on EFL Learners' Learning Strategies. *Theory and Practice in Language Studies*. Vol. 2 (8): 1614-1620.

Biodata Penulis

Nik Farhan Mustapha merupakan seorang pensyarah kanan di Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia sejak tahun 2010. Bidang pengkhususan beliau ialah psikolinguistik & membaca dalam bahasa kedua (bahasa Arab). Beliau memperolehi ijazah Sarjana Muda dari Universiti of Jordan, ijazah Sarjana dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Pabiyah Toklubok@Hajimaming adalah pensyarah kanan di Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia sejak tahun 2007 dalam bidang sastera bandingan dan pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Beliau memperolehi ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Muhd Zulkifli Ismail adalah pensyarah kanan di Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia sejak tahun 2010 dalam bidang persuratan Arab, khususnya bidang sastera bandingan. Beliau memperolehi ijazah sarjana muda dari Universiti Jordan, ijazah sarjana dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan ijazah doktor falsafah dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.